

|            |   |             |                     |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline   | Aplikasi M-Umrah bantu jemaah beribadah |             |                     |
| MediaTitle | Berita Harian                           |             |                     |
| Date       | 07 Apr 2016                             | Color       | Full Color          |
| Section    | Nasional                                | Circulation | 125,514             |
| Page No    | 4                                       | Readership  | 947,000             |
| Language   | Malay                                   | ArticleSize | 185 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A                                     | AdValue     | RM 6,377            |
| Frequency  | Daily                                   | PR Value    | RM 19,131           |



# Aplikasi M-Umrah bantu jemaah beribadah

**Georgetown:** Universiti Sains Malaysia (USM) akan memperkenalkan aplikasi M-Umrah bagi memudahkan jemaah haji dan umrah menuaikan ibadat berkenaan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Dr Asyraf Wajdi Dusuki, berkata aplikasi yang dibangunkan Kluster Penyelidikan Haji, Pusat Pengajian Sains Komputer USM itu dapat membimbing, membantu dan memudahkan ibadat jemaah.

## Bakal dilancar

Beliau berkata, hasil inovasi berkenaan yang akan dilancarkan tidak lama lagi, mampu memberi maklumat berkaitan kawasan persekitaran haji, sistem jejak lokasi, sistem panduan arah dan pembimbing ibadat haji.

## Bincang dengan TH

Katanya, setiap tahun, berjuta umat Islam Malaysia ke Makkah, namun ada antara mereka yang tidak mempunyai ilmu yang cukup mengenai ibadat haji atau umrah, selain ada juga kes jemaah tersesat ketika di Tanah Suci.

“Aplikasi ini akan dibincangkan dengan pengurusan Lembaga Tabung Haji (TH) sebelum keputusan sama ada ia boleh digunakan atau tidak, dibuat,” katanya pada sidang media selepas merasmikan Persidangan Serantau Haji yang turut dihadiri Naib Canselor USM, Prof Datuk Dr Omar Osman, di sini semalam.

Asyraf berkata, jika diluluskan pengurusan TH, jemaah terlebih dahulu akan diberi pendedahan mengenai pelbagai modul dalam aplikasi terbabit, termasuk tatacara, bacaan doa, sistem semakan terakhir ibadat dan sistem carian.

|            |   |             |                     |
|------------|---|-------------|---------------------|
| Headline   | Aplikasi M-Umrah bantu jemaah beribadah |             |                     |
| MediaTitle | Berita Harian                           |             |                     |
| Date       | 07 Apr 2016                             | Color       | Full Color          |
| Section    | Nasional                                | Circulation | 125,514             |
| Page No    | 4                                       | Readership  | 947,000             |
| Language   | Malay                                   | ArticleSize | 185 cm <sup>2</sup> |
| Journalist | N/A                                     | AdValue     | RM 6,377            |
| Frequency  | Daily                                   | PR Value    | RM 19,131           |



Ketua Projek Aplikasi Mudah Alih Haji dan Umrah, Profesor Madya **Muhammad Rafie Mohd Arshad** (kanan) menunjukkan aplikasi berkenaan di Georgetown, semalam. [FOTO ZULAIKHA ZAINUZMAN/BH]